

Makmal Haemostasis UMS *diiktiraf*

► Terima Sijil Akreditasi MS ISO 15189, pertama di rantau ini

Oleh YAP SIONG HAN

KOTAKINABALU: Makmal Haemostasis Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima penganugerahan Sijil Akreditasi MS ISO 15189 dan yang pertama di rantau ini.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, penganugerahan itu sangat bererti kepada UMS dan membuktikan satu lagi keupayaan universiti itu.

"Makmal ini terletak pada fakulti perubatan kita dan makmal itu juga sudah diwujudkan sejak Ogos

2010.

"Usaha untuk mendapatkan status akreditasi itu bermula pada 2013 dan kita menerima anugerah itu pada hujung tahun lalu," katanya ketika dalam satu majlis penganugerahan Sijil Akreditasi MS ISO 15189 di Kota Kinabalu, kelmarin.

Beliau berkata dengan penerimaan anugerah itu, diharapkan makmal itu dapat terus menyumbang kepada UMS tetapi pada masa yang sama penggunaan sumber kewangan perlu dilakukan secara mampan.

Katanya, dengan keadaan ekonomi sekarang, semua fakulti dinasihatkan berjimat cermat dari segi

perbelanjaan.

Menurutnya, amalan itu sangat penting dan berharap semua dekan dari fakulti-fakulti di UMS memandang perkara itu dengan serius.

"Saya juga memuji klinik yang kita ada kerana menawarkan kos perubatan yang lebih murah berbanding dengan klinik swasta lain," katanya.

Katanya, UMS juga mempunyai kelengkapan fasiliti termasuklah pakar perubatan dalam bidang-bidang tertentu.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Pengarah Akreditasi Jabatan Standard Malaysia Shaharul Sadri Alwi.



HARUN (dua kanan) menerima sijil penganugerahan Sijil Akreditasi MS ISO 15189 daripada Shaharul.